

# BIJAK RANCANG KEWANGAN

» *Mahasiswa diingat supaya **penuhi keperluan berbanding kehendak***

Oleh Basir Zahrom

[basir\\_zahrom@bh.com.my](mailto:basir_zahrom@bh.com.my)

► Serdang

“**S**ekiranya mahasiswa bijak merancang kewangan, peruntukan biasiswa atau pinjaman pendidikan yang diberikan bukan saja cukup untuk meneruskan kehidupan seharian, malah boleh dijadikan simpanan untuk masa depan,”

kata Prof Datuk Dr Mohamad Shatar Sabran.

Beliau yang juga pakar sosial dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, tempoh pengajian di institusi pengajian tinggi adalah waktu terbaik untuk mahasiswa mula menabung.

Katanya, peruntukan yang diberikan sememangnya cukup sekiranya mahasiswa bijak mengatur perbelanjaan dengan membuat senarai keperluan serta berjimat cermat dengan membeli barang dengan berhemah.

# Mahasiswa perlu kreatif amalkan pendekatan **survival sendiri**

## ● Dari muka 1

“Pihak universiti juga akan menghulurkan bantuan berbentuk zakat dan sumber kewangan lain apabila mendapati seseorang pelajar dalam kesusahan berdasarkan maklumat yang diterima di Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

“Malangnya, mahasiswa kini lebih mementingkan gaya hidup seperti telefon bimbit dan gajet mahal berbanding keperluan biarpun tidak menyangkal wujud-

nya kes yang mana pelajar memang benar-benar datang daripada keluarga miskin.

“Kehidupan di kampus adalah medan latihan sebelum mahasiswa bergraduasi, sekiranya pelajar menghadapi kesukaran dalam menghadapi survival di universiti, bagaimana pula di alam pekerjaan nanti?” katanya ketika ditemui di pejabatnya di UPM, di sini, baru-baru ini.

### **Kerja sambilan**

Prof Mohamad Shatar ber-



*Prof Mohamad Shatar*

kata, mahasiswa yang berjaya ialah mereka yang kreatif menggunakan pelbagai pendekatan untuk survival sendiri tidak kira

sama ada mendapatkan pendapatan sampingan menerusi aktiviti keusahawanan atau mempunyai pelan kewangan yang baik.

“Saya faham jika cadangan kerja sambilan diutarakan pasti ramai pelajar akan menyatakan yang mereka ke universiti untuk belajar dan bukan berkerja, namun ramai mahasiswa yang mampu melakukannya serta berjaya dalam pengajian.

“Bukan niat saya suruh pelajar bekerja, tetapi jika tidak mahu melakukannya,

mereka perlu betulkan sikap dan gaya hidup terutama membabitkan gajet, tambah nilai telefon bimbit dan aktiviti hiburan yang berlebihan.

“Di UPM, banyak kerja sambilan disediakan kepada mereka yang berminat, namun tiada yang memohonnya, perkara itu bukanlah sesuatu yang terlalu susah, malah selain untuk peroleh duit belanja lebih, juga boleh menambah nilai kemahiran insaniah kepada mahasiswa,” katanya.